

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR LAKSAMANA PERTAMA (B)  
HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pakaian patuh syariah oleh pramugari beragama Islam boleh dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan tiada sebarang halangan sekiranya terdapat cadangan daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk membenarkan pramugari beragama Islam memakai pakaian patuh syariah selagi mana ia mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

2. Dalam hubungan ini, pihak CAAM menetapkan bahawa salah satu keperluan bagi memperolehi siji keselamatan, syarikat penerbangan perlu memilih pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan. Syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

- a. pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- b. keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Sekian, terima kasih.